

Penangguhan RUU Kawalan Produk Merokok satu pengkhianatan terhadap kepercayaan awam

Oleh [Essa Abu Yamin](#) - Oktober 10, 2023 @ 6:24pm
essabuyamin@bh.com.my



Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz.

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mempersoalkan tindakan kerajaan menarik semula bacaan kali kedua Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 atau RUU Generasi Penamat (GEG) di Parlimen, hari ini.

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz menyifatkan tindakan berkenaan adalah perkara yang tidak boleh diterima dan menjadi satu pengkhianatan terhadap kepercayaan awam.

"Di manakah kedudukan kesihatan awam dalam senarai keutamaan kerajaan apabila kerajaan memutuskan penangguhan berkenaan adalah bagi memberi laluan kepada aturan urusan lain.

"MMA pada mulanya berharap kerajaan komited untuk meluluskan RUU berkenaan, namun dengan keputusan penangguhan berkenaan ia telah menjejaskan kepercayaan terhadap kerajaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dr Azizan berkata, keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengabaikan nasihat pakar terhadap penyingkiran nikotin daripada Akta Racun sebelum memperkenalkan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 menimbulkan kebimbangan serius.

"Keputusan pengecualian nikotin daripada Akta Racun telah menyebabkan industri berkenaan sudah tidak terkawal dan boleh diakses oleh kanak-kanak dari semua peringkat umur.

"Itu adalah situasi yang begitu membimbangkan yang sepatutnya tidak dibenarkan oleh mana-mana kerajaan yang mentadbir dan bertanggungjawab," katanya.

Terdahulu, RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang dijadual dibentang semula ke Dewan Rakyat untuk dibahaskan hari ini ditangguhkan.

Bagaimanapun, RUU yang berada di peringkat bacaan kedua itu masih terkandung dalam aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat yang bersidang bermula semalam hingga 30 November depan.